

Bencana bah **kali kedua**

200 keluarga diuji lagi selepas rumah ditenggelami air hampir satu meter akibat hujan lebat enam jam

>>Oleh Hamid Karim

am@hmetro.com.my

KLANG: Belum pun pulih sepenuhnya dengan kejadian banjir kilat dua minggu lalu, lebih 200 keluarga di Kampung Baru Satu, Kampung SC, Kampung Sri Nadi dan Kampung Johan Setia, di sini, diuji lagi apabila kejadian serupa berulang petang kelmarin mengakibatkan rumah mereka dinaiki air hampir satu meter berikutan hujan lebat tanpa henti lebih enam jam.

Bencana kali kedua yang membabitkan kawasan sama diburukkan lagi apabila air laut pasang memasuki Sungai Klang mengakibatkan air di kebanyakan parit dan longkang utama di kampung berkenaan melimpah dan memasuki rumah penduduk.

Sehingga awal pagi semalam, air masih memasuki kediaman terutama rumah di kawasan rendah dan menye-



TINJAU...Ezam meninjau jalan utama di Kampung SC yang ditenggelami air, semalam.



IMBAS...laporan Harian Metro, 20 Oktober lalu.

babkan beberapa jalan di kampung itu tenggelam serta tidak boleh dilalui kenderaan.

Mangsa di Kampung SC, Abdul Rahman Derasim, 62, berkata, banyak peralatan elektrik dan perabot di rumahnya rosak selepas gagal diselamatkan.

"Bukan saja barang rosak, ular pun masuk rumah hingga kami sekeluarga ketakutan.

"Ini bukan kali pertama banjir kilat berlaku dan saya percaya banyak yang perlu dilakukan bagi memastikan bencana ini tidak berulang

pada masa depan. Kami sudah banyak kali kerugian kerana kejadian sebegini," katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

Abdul Rahman berkata, air naik dengan cepat hingga dia bersama isteri dan anak-anaknya tidak sempat menyelamatkan barangan.

"Lebih penting kami selamatkan diri dulu. Akibat kejadian ini, kami semua terpaksa menumpang di rumah saudara yang berhampiran," katanya.

Harian Metro pada 20 Oktober lalu melaporkan kejadian banjir kilat di kampung berkenaan yang menyebabkan rumah penduduk dinaiki air sedalam hampir satu meter berikutan hujan lebat tanpa henti lebih lima jam.

Banjir kilat itu antara yang terburuk dalam tempoh dua tahun dan didakwa penduduk berpunca daripada sistem perparitan yang tersumbat akibat tidak diselenggara

dengan betul. Ia diburukkan lagi apabila sebahagian besar rumah berada di kawasan rendah.

Sementara itu, Ahli Dewan Negara, Senator Ezam Mohd Nor yang meninjau kawasan itu jam 1 pagi semalam, berkata, pihaknya bersimpati dengan nasib semua yang terbabat dan memberi jaminan mendapatkan bantuan bagi meringankan bebanan mereka.

Katanya, sebagai tindakan segera menangani banjir kilat itu, pihaknya meminta bantuan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menggunakan beberapa mesin pengepam berkapasiti tinggi untuk mengepam air keluar daripada kawasan yang terjejas teruk.

"Tumpuan utama kami adalah untuk memastikan semua jalan yang tenggelam dapat digunakan semula kerana tidak mahu penduduk terkepung lebih 24 jam," katanya.